

**Pakar Sejarah, Veteran Perang Sertai Kolokium Sejarah Malaysia
Bernama
21 Februari , 2012**

KUALA LUMPUR, 21 Feb (Bernama) -- Kolokium Sejarah Malaysia yang dijadual berlangsung Sabtu ini akan menghimpunkan pakar sejarah serta veteran perang untuk berkongsi ilmu dan pengalaman dalam usaha mengetengahkan fakta sebenar mengenai sejarah perjuangan kemerdekaan negara.

Jabatan Warisan Negara, dalam satu kenyataan, berkata kolokium yang akan berlangsung di Panggung Eksperimen, Universiti Malaya dari 9 pagi hingga 5 petang itu dimuatkan dengan ucapan oleh Dr Leon Comber iaitu pesara polis zaman penjajahan British.

Ia turut menampilkan penyertaan pesara polis zaman darurat Datuk Seri J.J.Raj, pesara tentera Datuk Kanang anak Langkau dan pesara polis DSP (B) Mohd Noor Razak selaku anggota panel.

Ahli-ahli akademik yang dijangka hadir pada program itu ialah Datuk Profesor Ramlah Adam, Dr Arba'iyah Mohd Noor, Dr Ho Hui Ling, Dr Rahila Omar dan Profesor Abdullah Zakaria Ghazali.

Ia akan dirasmikan Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Datuk Seri Dr Rais Yatim.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=647116>